



**MAJLIS AMANAH RAKYAT  
(MARA)**

Bahagian Pengurusan Risiko dan Inspektorat  
Tingkat 8, Ibu Pejabat MARA  
21, Jalan MARA  
50609 Kuala Lumpur

Bil MARA : MARA 100-1/5/10(9)  
Tarikh : 24 Disember 2019  
27 Rabiulakhir 1441H

---

**SURAT EDARAN BAHAGIAN PENGURUSAN RISIKO DAN INSPEKTORAT  
MARA BIL. 7/2019**

**PELAKSANAAN PENILAIAN KENDIRI (PK) PENGURUSAN ASET DAN FASILITI  
BAGI PENARAFAN BINTANG IPMa (STRIM) 2020**

**1. TUJUAN**

Edaran ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Institusi Pendidikan MARA (IPMa) untuk membuat Penilaian Kendiri (PK) Pengurusan Aset dan Fasiliti bagi tujuan Penarafan Bintang IPMa (*Star Rating in MARA Institution, STRIM*) mulai 02 Januari sehingga 31 Januari 2020.

**2. LATAR BELAKANG**

2.1 STRIM telah dilaksanakan di IPMa pada tahun 2018 selaras dengan Surat Pekeliling Am MARA Bil 8/2017. Penilaian STRIM merangkumi aspek pengurusan pendidikan serta pengurusan aset dan fasiliti. Pengurusan pendidikan dinilai melalui Standard Pendidikan MARA (SPMa) / MyQuest / SETARA. Manakala Pengurusan Aset dan Fasiliti melibatkan tujuh (7) instrumen iaitu MARA *Eco-Campus*, Pengurusan Bengkel / Makmal / Studio / Makmal ICT, Pengurusan Asrama / Transit

(GIATMARA), Pengurusan Masjid / Surau, Pengurusan Dewan Selera / Kafe, Pengurusan Dewan Besar / *Theatrette* dan Pengurusan Tandas.

- 2.2 Penilaian STRIM mengambilkira 50 % markah Pengurusan Pendidikan dan sebanyak 50 % markah Pengurusan Aset dan Fasilitas.
- 2.3 Setakat Disember 2019, lawatan verifikasi STRIM telah dilaksanakan di 146 IPMa. Daripada lawatan tersebut hanya 14 IPMa yang layak dianugerahkan Sijil Penarafan 5 Bintang dan 60 IPMa pula dianugerahkan Sijil Penarafan 4 Bintang.

### **3. OBJEKTIF**

- 3.1 Memastikan Pengurusan Pendidikan serta Pengurusan Aset dan Fasilitas di IPMa mematuhi garis panduan yang ditetapkan.
- 3.2 Memastikan aktiviti pengurusan yang dilaksanakan di IPMa mengikut standard yang telah ditetapkan terutamanya dari aspek kebersihan, keceriaan dan keselamatan.
- 3.3 Memastikan penambahbaikan tadbir urus di IPMA berlaku secara berterusan.

### **4. PELAKSANAAN PENILAIAN KENDIRI STRIM**

- 4.1 Pegawai Mengawal Pusat (PMP) perlu melantik Jawatankuasa Pelaksana STRIM Pusat (JKPSP) yang merangkumi Jawatankuasa Pengurusan Pendidikan SPMa / MyQuest / SETARA dan Jawatankuasa Pengurusan Aset dan Fasilitas di pusat masing-masing. Jawatankuasa ini bertanggungjawab melaksanakan Penilaian Kendiri (PK) STRIM di pusat masing-masing.
- 4.2 Jawatankuasa Pengurusan Pendidikan di MRSM, IKM, KKTM, KM, KPM dan GIATMARA bertanggungjawab melaksanakan PK Standard

Pendidikan MARA (SPMa) yang boleh dirujuk kepada surat edaran BPIN BIL 6/2019. Manakala UniKL, GMI dan KPTM memastikan SETARA / MyQuest dipatuhi.

4.3 Jawatankuasa Pengurusan Aset dan Fasiliti pula bertanggungjawab melaksanakan Penilaian Kendiri mengikut kesesuaian IPMa seperti berikut :

- i. Tujuh (7) instrumen untuk MRSM, IKM, KKTM, KM dan KPM (Rujuk Lampiran 1 atau muat turun di <https://tinyurl.com/STRIM2020PK> )
- ii. Lima (5) instrumen untuk UniKL dan KPTM (Rujuk Lampiran 2 atau muat turun di <https://tinyurl.com/STRIM2020PKUNIKLKPTM> )
- iii. Empat (4) instrumen untuk GiatMARA (Rujuk Lampiran 3 atau muat turun di <https://tinyurl.com/STRIM2020PKGIAT> )

4.4 Lawatan verifikasi STRIM akan dilaksanakan oleh Pegawai Verifikasi yang dilantik untuk tujuan Penarafan Bintang IPMa.

4.5 PK Pengurusan Aset dan Fasiliti 2020 yang lengkap perlu di email ke [strim@mara.gov.my](mailto:strim@mara.gov.my) dalam format *soft-copy* MS Excel sebelum atau pada 31 Januari 2020 (Jumaat).

## 5. TANGGUNGJAWAB PENGAWAL PUSAT

Pegawai Mengawal Pusat IPMa bertanggungjawab memastikan PK Pengurusan Aset dan Fasiliti 2020 dilaksanakan sepenuhnya dan menghantar Skor PK tersebut ke Urusetia STRIM melalui email [strim@mara.gov.my](mailto:strim@mara.gov.my) .

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“LUAR BANDAR SEJAHTERA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**NOR ZAINI BINTI ABU KASSIM**

Pengarah

Bahagian Pengurusan Risiko dan Inspektorat

MARA

Keusahawanan  
& Pendidikan **Global**  
Majlis Amanah Rakyat